

**PENGARUH AMALAN DAN PERSEPSI GURU TENTANG KSSR
DENGAN MOTIVASI KERJA DALAM KALANGAN GURU DI
DAERAH KOTA MARUDU**

SANALEH BIN DAUD

PT20117194C



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGANUGERAHAN
SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**


**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2013

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Julai 2013



Sanaleh Bin Daud

PT2011-7194C



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGARUH AMALAN DAN PERSEPSI GURU TENTANG KSSR DENGAN MOTIVASI KERJA DALAM KALANGAN GURU DI DAERAH KOTA MARUDU**

IJAZAH: **SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**

SAYA : **SANALEH BIN DAUD**

SESI PENGAJIAN : **2012/2013**

Mengakui membenarkan tesis*** (LPSM / Sarjana / Doktor Falsafah*) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT


(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIAH RASMI 1972)**

TERHAD

(mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan.**


TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



(**SANALEH BIN DAUD**)

DISAHKAN OLEH



(**DR. MUHAMAD SUHAIMI BIN TAAT**)

Lot 7, Taman T&G, Fasa 2
Jalan Goshen, 89208 Kota Marudu, Sabah

TARIKH: 1 Julai 2013

TARIKH: 1/7/2013

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan

**Jika tesis ini SULIT dan TERHAD sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

***Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara Kerja Kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGHARGAAN

Saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah pembimbing saya, Dr Muhamad Suhaimi Taat, Pensyarah Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah yang telah banyak membimbing, menasihati, dan menyelia saya sepanjang tempoh pengajian saya ini tanpa mengira masa dan waktu. Segala teguran, galakan dan dorongan yang berterusan yang beliau berikan kepada saya membolehkan saya menjalankan dan melengkapkan penyelidikan saya dan menerbitkan disertasi ini.

Demikian juga kepada Prof. Madya Dr. Baharom, Dr. Shukri Zain, Dr. Tan Choon Keong yang pernah mengajar sepanjang pengajian saya di sekolah ini. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah dan kakitangan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial dan rakan-rakan sekelas yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyokong dan membantu saya sepanjang tempoh pengajian dan penulisan disertasi ini.

Tidak lupa juga saya ucapkan penghargaan dan terima kasih kepada rakan di Pejabat Pelajaran Daerah, Kota Marudu dan semua pemimpin dan guru-guru sekolah rendah dalam daerah Kota Marudu yang terlibat dalam membantu saya menjalankan kajian di sekolah. Tanpa kerjasama semua yang terlibat maka kajian saya tidak akan dapat disempurnakan dengan baik.

Akhir sekali ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terhadap isteri tersayang Rosnani Ismail dan anak-anak, (Sar Shaqir Zufayri dan Sar Syazwi Fitri) kerana memahami tugas ayah sebagai pelajar yang bekerja dan sebagai ketua keluarga, semoga semua yang diperolehi diberkati oleh Allah dan untuk masa depan keluarga.

Terima kasih yang segalanya.....

Sanaleh Bin Daud

Julai 2013

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui sejauhmana tahap, perbezaan, hubungan, dan pengaruh amalan dan persepsi guru tentang KSSR dengan motivasi kerja guru dalam kalangan guru-guru di daerah Kota Marudu. Reka bentuk kajian yang digunakan pengkajian dalam kajian ini adalah menggunakan kajian deskriptif dan berbentuk kuantitatif. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua pemboleh ubah tidak bersandar iaitu amalan strategi pengajaran dan pembelajaran guru, dan persepsi guru. Manakala pembolehubah bersandar ialah motivasi guru. Populasi kajian adalah semua guru-guru yang mengajar tahun satu, dua dan tiga di semua 33 buah sekolah manakala kaedah persampelan yang dipilih adalah persampelan bukan rawak dengan teknik persampelan *purposif*. Pemilihan sampel teknik bertujuan ini adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik khusus untuk mendapat sampel kajian yang dikehendaki iaitu seramai 234 orang sampel dari 29 buah sekolah yang terlibat. Data dikutip menggunakan instrumen soal selidik dan akan dianalisis menggunakan perisian *SPSS 16.0 For Windows*. Tahap skor min bagi amalan strategi pengajaran dan pembelajaran guru dalam KSSR adalah pada tahap yang tinggi (3.93) dan tahap persepsi guru tentang KSSR adalah sederhana (3.61) manakala tahap motivasi guru adalah paling tinggi iaitu dengan skor min 4.15. Manakala pengaruh amalan dan persepsi tentang KSSR terhadap motivasi kerja guru ($\Delta R^2=36.1\%$), Persepsi Guru (32.1%) lebih mempengaruhi Motivasi daripada Amalan Strategi Guru kerana Amalan Strategi Guru hanya mampu mempengaruhi Motivasi sebanyak 4%. Cadangan dan juga kajian lanjutan ada dinyatakan dalam kajian ini.

ABSTRACT

The purpose of this research to find; the level, the differences, the relationship and the influence on teachers' practice and perception towards KSSR as compared to the amount of their responsibilities among teachers in Kota Marudu, Sabah. This research applies descriptive and quantitative research modes. Researcher uses independent variables in looking at the teachers' teaching practice and perceptions while applying dependent variable for defining the teachers' motivation. The research has been targeted to teachers who are teaching the lower primary level in all 33 schools in Kota Marudu. Samples have been chosen in relation with target and purpose of this study. The selection of the samples encompasses of 234 teachers from 29 participating schools. The data collected through the survey instruments will be analysed using SPSS 16.0 For Windows application. The min score for teachers' teaching strategy in KSSR is recorded as high as 3.93, teachers' perception towards KSSR is intermediate (3.61) while teachers' motivation is the highest (4.15). On the other hand, the influence of teachers' practice and perceptions of KSSR towards their motivation is at ($\Delta R^2=36.1\%$) while the perceptions of teacher has also affected their motivation higher than compared to their practice (32.1%) as their practice is only influencing their motivation at 4%. Further study and suggestions of this research will be elaborated more in this writing.

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI SIMBOL	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Perubahan KBSR Kepada KSSR	3
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Tujuan Kajian	16

1.5	Objektif Kajian	16
1.5.1	Objektif Umum	16
1.5.2	Objektif Khusus	17
1.6	Persoalan Kajian	17
1.7	Hipotesis Kajian	17
1.8	Kepentingan Kajian	18
1.9	Skop Kajian	19
1.10	Batasan Kajian	19
1.11	Definisi Operasional	19
1.11.1	Amalan	19
1.11.2	Motivasi	20
1.12	Rumusan	20
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	21
2.1	Pengenalan	21
2.2	Literatur Berkaitan	21
2.2.1	Konsep	21
2.2.2	Teori	26
2.2.3	Model	29
2.3	Kajian Lepas	31
2.4	Rumusan	35

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	36
3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	37
3.3.1	Populasi Kajian	37
3.3.2	Sampel Kajian	38
3.4	Tempat Kajian	39
3.5	Instrumen Kajian	39
3.5.1	Struktur Instrumen	39
3.5.2	Penilaian Instrumen	42
3.6	Kajian Rintis	43
3.7	Tatacara Penganalisan Data	45
3.7.1	Kaedah Analisis Statistik	45
3.9	Rumusan	48
BAB 4	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	49
4.0	Pengenalan	49
4.1	Taburan Normaliti Data	49
4.2	Analisis Data dan Dapatan Kajian	52
4.2.1	Analisis Demografi	52
4.2.2	Analisis Statistik Inferensi Persoalan Kajian	55

4.3	Rumusan	69
BAB 5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	70
5.0	Pengenalan	70
5.1	Perbincangan Dapatan Kajian	70
5.1.1	Perbezaan Tahap Amalan Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran KSSR Berdasarkan Faktor Jantina	70
5.1.2	Perbezaan Tahap Persepsi Tentang KSSR Berdasarkan Faktor Jantina	71
5.1.3	Perbezaan Tahap Motivasi Kerja Guru Berdasarkan Faktor Jantina	72
5.1.4	Hubungan Amalan Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Tentang KSSR Dengan Motivasi Kerja Guru	73
5.15	Hubungan Persepsi Guru Tentang KSSR Dengan Motivasi Kerja Guru	74
5.1.6	Pengaruh Amalan Dan Persepsi Guru Tentang KSSR Terhadap Motivasi Kerja Guru	75
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	76
5.3	Implikasi Kajian	77
5.4	Cadangan Dapatan Kajian	79
5.4.1	Pejabat Pelajaran Daerah	79
5.4.2	Kementerian Pelajaran Malaysia	80
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	81

5.6	Penutup	81
	BIBLIOGRAFI	83
	LAMPIRAN	92



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Halaman
Jadual 1.1	Struktur Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah	4
Jadual 1.2	Perbezaan KBSR dan KSSR	14
Jadual 3.1	Set Instrumen Soal Selidik Yang Digunakan	41
Jadual 3.2	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Item Amalan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	43
Jadual 3.3	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Item Persepsi Guru	44
Jadual 3.4	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Item motivasi Guru	44
Jadual 3.5	Bentuk Analisis Data Deskriptif	45
Jadual 3.6	Skala Skor Min dan Tahap	46
Jadual 3.7	Jadual Data Statistik Inferens	46
Jadual 3.8	Interpretasi Davis (1971) Mengenai Analisis Hubungan atau Korelasi	47
Jadual 4.1	Analisis Taburan Normaliti Data Bagi Amalan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	49
Jadual 4.2	Analisis Taburan Normaliti Data Persepsi Tentang KSSR	50
Jadual 4.3	Analisis Taburan Normaliti Data Bagi Motivasi Kerja Guru	51
Jadual 4.4	Taburan Sampel Mengikut Jantina	53
Jadual 4.5	Taburan Sampel Mengikut Kelayakan	53
Jadual 4.6	Taburan Sampel Mengikut Pengalaman Mengajar	54
Jadual 4.7	Skala Skor Min dan Tahap	55
Jadual 4.8	Skor Min Keseluruhan Bagi Amalan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	56
Jadual 4.9	Purata Skor Min Bagi Amalan Strategi Pengajaran	56

	dan Pembelajaran	
Jadual 4.10	Skor Min Keseluruhan Bagi Persepsi Guru Tentang KSSR	57
Jadual 4.11	Purata Skor Min Bagi Persepsi Guru Tentang KSSR	57
Jadual 4.12	Skor Min Keseluruhan Bagi Motivasi Mengajar Guru	59
Jadual 4.13	Purata Skor Min Bagi Motivasi Mengajar Guru	59
Jadual 4.14	Ujian-t Tak Bersandar Untuk Perbezaan Tahap Amalan Berdasarkan Faktor Jantina	61
Jadual 4.15	Ujian-t Tak Bersandar Untuk Perbezaan Tahap Persepsi Berdasarkan Faktor Jantina	62
Jadual 4.16	Ujian-t Tak Bersandar Untuk Perbezaan Tahap Motivasi Berdasarkan Faktor Jantina	63
Jadual 4.17	Interpretasi Davis (1971) Dalam Analisis Hubungan / korelasi	64
Jadual 4.18	Hubungan Tahap Amalan Strategi Dengan Motivasi Kerja Guru	64
Jadual 4.19	Hubungan Tahap Persepsi Guru Tentang KSSR Dengan Motivasi Kerja Guru	65
Jadual 4.20	Pengaruh Persepsi Guru dan Amalan Strategi Guru Terhadap Motivasi	66
Jadual 4.21	Rumusan Pengaruh Mengikut Model	66
Jadual 4.22	Rumusan Dapatan Berkaitan Hipotesis	68

SENARAI RAJAH

Rajah	Perkara	Halaman
Rajah 1.1	Fokus KSSR	10
Rajah 2.1	Model Pengajaran Robert Glaser	29
Rajah 3.1	Kerangka Konseptual Kajian	37
Rajah 4.1	Taburan Data Bagi Amalan Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran	50
Rajah 4.2	Taburan Data Bagi Persepsi Tentang KSSR	51
Rajah 4.3	Taburan Data Bagi Motivasi Kerja Guru	52
Rajah 4.4	Peratus Taburan Sampel Mengikut Jantina	53
Rajah 4.5	Peratus Taburan Sampel Mengikut Kelayakan	54
Rajah 4.6	Peratus Taburan Sampel Mengikut Pengalaman Mengajar	55
Rajah 4.7	Peratus Tahap Amalan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	56
Rajah 4.8	Peratus Tahap Persepsi Guru Tentang KSSR	58
Rajah 4.9	Peratus Tahap Motivasi Mengajar Guru	59

SENARAI SINGKATAN

KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
3M	Membaca, Menulis, Mengira
RBT	Reka Bentuk dan Teknologi
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
SK	Sekolah Kebangsaan
4M	Membaca, Menulis, Mengira, Menaakul
P2	Pedalaman Dua
r	Regrasi
TNRC	Republik Turki Utara Cyprus
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
SBT	Skim Bantuan Tuisyen
IV	pemboleh ubah tidak bersandar
DV	pemboleh ubah bersandar
SS	Sangat Setuju
S	Setuju
TP	Tidak Pasti
TS	Tidak Setuju
STS	Sangat Tidak Setuju
Sig	Signifikan

SENARAI SIMBOL

<	Lebih kecil
>	Lebih besar
N	Jumlah Sampel
r'	Skala Pekali Korelasi Pearson r'
%	Peratus
P	Nilai Signifikan
R^2	Nilai Kuasa Dua
H_0	Hipotesis nol
Δ	<i>Adjusted R Square</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Asas Kemahiran Menaakul
LAMPIRAN B	Senarai Sekolah Dan Jumlah Guru Daerah Kota Marudu Yang Mengajar Tahun 1 - 3
LAMPIRAN C	Analisis item Amalan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran <i>Cronbach's Alpha if Item Deleted</i>
LAMPIRAN D	Analisis item Persepsi <i>Cronbach's Alpha if Item Deleted</i>
LAMPIRAN E	Analisis item Motivasi <i>Cronbach's Alpha if Item Deleted</i>
LAMPIRAN F	Analisis Deskriptif Amalan
LAMPIRAN G	Ujian T-Test Persepsi
LAMPIRAN H	Analisis Deskriptif Persepsi
LAMPIRAN I	Ujian T-Test Motivasi
LAMPIRAN J	Analisis Deskriptif Motivasi
LAMPIRAN K	Ujian Taburan Normaliti Amalan
LAMPIRAN L	Ujian Taburan Normaliti Motivasi
LAMPIRAN M	Ujian Taburan Normaliti Persepsi
LAMPIRAN N	Ujian Frekuensi Pengalaman Mengajar
LAMPIRAN O	Ujian Frekuensi Kelayakan
LAMPIRAN P	Ujian Frekuensi Jantina
LAMPIRAN Q	Ujian Korelasi Persepsi dengan Motivasi
LAMPIRAN R	Ujian Regresi
LAMPIRAN S	Instrumen Kajian
LAMPIRAN T	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada EPRD
LAMPIRAN U	Surat Pengesahan Status Pelajar Daripada UMS
LAMPIRAN V	Dokumen Perjumpaan Dengan Penyelia

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dunia pendidikan di Malaysia pada masa kini agak jauh berbeza daripada masa dahulu iaitu halatuju masa depan pendidikan adalah pendidikan bertaraf dunia. Ini adalah satu halatuju atau usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti pendidikan kita ke satu tahap yang lebih tinggi dan boleh bersaing dengan negara-negara lain.

Perdana Menteri telah memperkenalkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam semua bidang. Di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, satu NKRA yang disasarkan adalah meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Maka wujudlah beberapa sub-NKRA iaitu Prasekolah, Literasi dan Numerasi, Sekolah Berprestasi Tinggi dan Tawaran Baru (New Deal) serta Aliran Vokasional dan Kemahiran.

Pihak kementerian juga telah memperkenalkan kurikulum baharu untuk prasekolah, sekolah rendah dan menengah iaitu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Oleh yang demikian, kewujudan perkara-perkara seperti di atas adalah bagi memastikan kualiti pendidikan sama ada akademik, kemahiran dan sumber manusia iaitu pelajar dan guru yang terlibat mencapai satu tahap yang lebih baik dari sebelum ini. Keupayaan guru dan pentadbir dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan bagi memastikan perkara di atas tercapai

merupakan satu cabaran yang perlu dihayati oleh semua peringkat pengurusan.

Oleh itu, pelaksanaan dan pencapaian kurikulum merupakan satu yang amat penting di sekolah. Ia merangkumi pengurusan dan pentadbiran serta pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Mohd. Najib Bin Tun Abdul Razak telah memperkenalkan satu program transformasi yang menjurus kepada perubahan drastik dalam satu-satu bidang. Rentetan daripada itu, Menteri Pelajaran yang juga Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Muhyiddin Bin Yassin telah memperkenalkan satu program transformasi dalam dunia pendidikan Malaysia. Transformasi kurikulum persekolahan yang telah diperkenalkan adalah merupakan satu usaha untuk menyusun semula dan membuat beberapa penambahbaikan dalam kurikulum sedia ada untuk memastikan murid dapat dibekalkan dengan segala ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang relevan dan mengikut keperluan semasa untuk mereka menghadapi hari yang mencabar dalam abad yang ke-21 ini.

Bagi proses transformasi kurikulum ini, Menteri Pelajaran telah mengarahkan supaya Kementerian Pelajaran Malaysia membuat penandaarasan dengan kurikulum di negara maju untuk memastikan kurikulum persekolahan kebangsaan yang akan diperkenalkan dan digunakan oleh Malaysia sama taraf dan setanding dengan pendidikan negara maju yang lain.

Maka melalui transformasi kurikulum ini, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) diperkukuhkan serta ditambah baik menjadi kurikulum baharu yang dinamakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

1.2.1 Perubahan KBSR Kepada KSSR

Kementerian Pelajaran Malaysia menekankan supaya murid-murid yang sedang dan telah mengikuti KSSR ini akan mempunyai asas-asas yang telah ditetapkan iaitu, menjadi insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial, menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan boleh berperanan di arena global serta akan menjadi pekerja yang berilmu.

Oleh yang demikian, kementerian telah membuat penambahbaikan terhadap kurikulum yang ada iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dalam beberapa komponen dan elemen. Berikut ini diuraikan serba sedikit berkaitan dengan KBSR dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) iaitu kurikulum baharu yang diperkenalkan oleh kementerian.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah(KBSR)

Menurut Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (1993), Struktur KBSR terdiri daripada tiga bidang iaitu Komunikasi, Manusia dan Alam Kelilingnya, dan Perkembangan Diri Individu. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi melalui jadual di sebelah.

Jadual 1.1 : Struktur Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah

BIDANG	KOMPONEN	MATA PELAJARAN	
		TAHAP I	TAHAP II
Komunikasi	Kemahiran Asas	Bahasa Melayu	Bahasa Melayu
		Bahasa Cina	Bahasa Cina
		Bahasa Tamil	Bahasa Tamil
		Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris
		Matematik	Matematik
Manusia Dan Alam Kelilingnya	Kerohanian Nilai Dan Sikap Manusia	Pendidikan Islam	Pendidikan Islam
		Pendidikan Moral	Pendidikan Moral
		Sains	Sains
		Kajian Tempatan	Kajian Tempatan
Perkembangan Diri Individu	Kemahiran Hidup Kesenian Dan Kesihatan		Kemahiran Hidup
		Pendidikan Muzik	Pendidikan Muzik
		Pendidikan Seni	Pendidikan Seni
		Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan	Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan
	Kokurikulum		

Sumber: Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (1993)

Manakala bahan kurikulum adalah dengan terdiri daripada Sukatan Pelajaran yang mengandungi semua silibus yang telah ditetapkan bagi mencapai kemahiran-kemahiran yang hendak dicapai. Selain dari itu, Huraian Sukatan Pelajaran merupakan kesinambungan kepada sukatan pelajaran tadi iaitu mengandungi semua huraian dan butiran lebih terperinci sebagai rujukan dan panduan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran serta mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan.

Dalam KBSR, Tahap I adalah terdiri daripada kelas Tahun 1 hingga 3 manakala Tahap II adalah kelas Tahun 4 – 6. Mata pelajaran kedua-dua tahap iaitu Tahap I dan II ini adalah terdiri daripada tiga bahagian atau kelompok iaitu mata pelajaran teras, wajib dan tambahan.

Tahap I (Tahun 1, 2, 3):

- i. Mata Pelajaran Teras - Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina (SJKC), Bahasa Tamil (SJKT), Matematik, Sains, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral
- ii. Mata Pelajaran Wajib – Pendidikan Jasmani, Pendidikan Kesihatan, Pendidikan Seni Visual, Pendidikan Musik
- iii. Mata Pelajaran Tambahan – Bahasa Cina Komunikasi, Bahasa Tamil Komunikasi, Bahasa Arab Komunikasi, Bahasa Iban (bermula Tahun 3), Bahasa Semai (bermula Tahun 3)

Tahap II (Tahun 4, 5, 6):

- i. Mata Pelajaran Teras – Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina (SJKC), Bahasa Tamil (SJKT), Matematik, Sains, Kajian Tempatan, Pendidikan Islam, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan.

- ii. Mata Pelajaran Wajib – Pendidikan Jasmani, Pendidikan Kesihatan, Kemahiran Hidup, Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Muzik.
- iii. Mata Pelajaran Tambahan - Bahasa Cina Komunikasi, Bahasa Tamil Komunikasi, Bahasa Arab Komunikasi, Bahasa Iban, Bahasa Semai.

Fokus utama dalam KBSR ini adalah Kemahiran Asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Antara aspek yang terkandung dalam kemahiran asas 3M ini ialah kemahiran pertuturan, pendengaran, pembacaan, penulisan serta amalan dalam penggunaan empat operasi dalam matematik iaitu tambah, tolak, darab dan bahagi. Di samping itu, penerapan nilai-nilai murni dilaksanakan secara menyeluruh dalam semua mata pelajaran terutamanya mata pelajaran Agama Islam, nilai-nilai murni dilaksanakan secara lebih khusus.

Elemen kemahiran yang terdapat dalam KBSR ini adalah kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Perkembangan daya intelek seseorang individu amat ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Negara. Oleh yang demikian, KBSR lebih memberikan penekanan dalam kemahiran berfikir ini. Kemahiran berfikir ini dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu pemikiran secara kreatif dan pemikiran secara kritis iaitu kedua-duanyanya adalah saling berhubungkait antara satu sama lain. Kemahiran ini digunakan untuk membuat keputusan dan juga menyelesaikan masalah.

Menghafal maklumat adalah menjadi kebiasaan namun ia tidak banyak membantu dalam perkembangan intelek murid. Maka penekanan terhadap kemahiran berfikir adalah bertujuan untuk membolehkan murid memahami, menilai serta mengaplikasikan maklumat yang diterima ke dalam pelbagai situasi pembelajaran dan juga kehidupan. Inilah yang dikatakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah(KSSR)

Penjelasan secara ringkas mengenai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang akan diutarakan pada bahagian ini adalah dipetik daripada portal KSSR.

Konsep tunjang yang diperkenalkan dalam KSSR, merupakan satu bentuk pengklasifikasian bidang ilmu, kemahiran dan nilai. Konsep ini berfokus kepada pembentukan modal insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Enam tunjang dikenal pasti mewakili bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang menjadi asas kepada pembangunan insan yang berfikiran kreatif, kritis dan inovatif. Tunjang-tunjang tersebut menggambarkan penstrukturan secara eksplisit bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang perlu dikuasai murid. Setiap tunjang saling berhubung kait dan bersepadu iaitu;

i. Tunjang Komunikasi

Tunjang Komunikasi memberi penekanan kepada proses menggabungkan jalin kemahiran berbahasa dalam bentuk lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi. Tunjang ini memberi fokus kepada kemahiran bahasa seperti mendengar dan bertutur, membaca dan menulis, serta nilai tambah menaakul.

Murid perlu menguasai kemahiran ini bagi membantu mereka dalam proses pemerolehan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam tunjang-tunjang yang lain. Penguasaan kemahiran berbahasa menyediakan murid untuk membuat pemilihan bahasa yang bertepatan dan sistematik dalam interaksi sosial.